

TORIK FC Tablet

Etoricoxib (90 & 120 mg)

Apa yang ada dalam risalah ini?

1. Apakah kegunaan TORIK
2. Bagaimana TORIK berfungsi
3. Sebelum mengambil TORIK
4. Cara mengambil TORIK
5. Semasa mengambil TORIK
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TORIK
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan TORIK

Doktor anda memberi preskripsi TORIK untuk:

- merawat osteoarthritis
- merawat arthritis rheumatoid
- merawat spondilitis ankilos
- merawat sakit akut selepas prosedur pergigian minor
- merawat senggugut
- merawat serangan gout

Osteoarthritis ialah penyakit sendi. Osteoarthritis berlaku akibat kemusnahan beransur-ansur pada rawan yang melindungi hujung-hujung tulang lalu mengakibatkan rasa sakit apabila bergerak, kekakuan dan ketidakupayaan fizikal.

Arthritis rheumatoid ialah sejenis penyakit kronik yang menyebabkan rasa sakit, kekakuan, bengkak dan hilang fungsi pada sendi serta radang pada organ-organ yang lain di dalam tubuh.

Spondilitis ankilos ialah sejenis penyakit radang tulang belakang dan sendi yang besar.

Gout ialah sejenis penyakit yang dicirikan oleh serangan rasa sakit dan radang yang berulang-ulang dan berlaku secara tiba-tiba pada satu sendi atau lebih.

Anda boleh dapatkan maklumat selanjutnya daripada doktor ataupun daripada ahli farmasi kerana mereka

ada maklumat yang lebih terperinci.

Bagaimana TORIK berfungsi

Ia mengandungi ubat yang dipanggil Etoricoxib. TORIK ialah sebahagian daripada kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat COX-2 terpilih, yang digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan. Tablet TORIK bukanlah ubat narkotik.

Sebelum menggunakan TORIK

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan ambil tablet TORIK jika anda:

- Alah kepada mana-mana kandungannya
- pernah mengalami kegagalan jantung, serangan jantung, pembedahan pintasan, sakit dada, arteri yang sempit atau tersumbat pada bahagian kaki, strok atau strok kecil
- mempunyai tekanan darah tinggi yang tidak dikawal oleh rawatan

Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda sebelum mengambil TORIK.

- Sebelum menggunakan TORIK
Beritahu doktor tentang apa-apa masalah kesihatan atau alergi yang pernah atau yang sedang anda alami, termasuk:

- sejarah berlakunya angina, serangan jantung atau arteri jantung yang tersumbat
- arteri yang sempit atau tersumbat pada hujung-hujung anggota
- penyakit ginjal (buah pinggang)
- penyakit organ hati
- dehidrasi, misalnya akibat muntah-muntah atau cirit-birit yang berpanjangan
- pernah atau sedang mengalami ulser, pendarahan, atau penebukan pada perut atau usus anda

- kegagalan jantung
- tekanan darah tinggi
- bengkak akibat penakungan bendalir tubuh
- tindak balas alergi terhadap aspirin atau ubat antiradang yang lain (lazimnya digelar NSAID).
- sejarah berlakunya strok atau strok kecil
- keadaan yang meningkatkan risiko anda mendapat penyakit arteri koronari atau aterosklerosis seperti tekanan darah tinggi, diabetes, aras kolesterol tinggi atau tabiat merokok.
- rawatan jangkitan yang sedang anda jalani. TORIK tablet boleh menyembunyikan demam, iaitu suatu tanda jangkitan.
- mendapat asma (lelah), radang hidung, dan/atau gatal-gatal atau gegata kerana menggunakan aspirin atau NSAID.
- Mengalami dispepsia (masalah pencernaan).

Etoricoxib boleh menyebabkan tindak balas yang teruk pada kulit. Antara simptomnya ialah kulit yang beruam, melepuh dan mengelupas. Ini mungkin tanda-tanda penyakit yang serius. Jika tindak balas begini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penggunaan oleh kanak-kanak

Tablet Etoricoxib belum lagi dikaji pada kanak-kanak dengan secukupnya. Oleh itu, TORIK tablet tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Penggunaan oleh warga tua

TORIK sama baik keberkesannya pada pesakit dewasa yang tua mahupun yang muda. Kesan sampingan mungkin lebih kerap berlaku dalam

TORIK FC Tablet

Etoricoxib (90 & 120 mg)

kalangan pesakit yang lebih tua berbanding dengan pesakit yang muda. Jika anda warga tua (iaitu berusia 65 tahun ke atas), doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya. Dos tidak perlu diubah bagi pesakit yang tua.

Penggunaan semasa hamil dan semasa menyusukan anak dengan susu badan

Beritahu doktor jika anda:

- TORIK boleh memudaratkan janin dan tidak boleh digunakan oleh wanita yang sedang cuba menjadi hamil ataupun yang telah menjadi hamil semasa masih menerima rawatan.
- Sedang atau merancang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda mestilah memberitahu doktor tentang semua ubat yang anda makan atau yang anda bercadang hendak makan, termasuklah ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi.

Doktor boleh memastikan bahawa ubat anda bertindak dengan baik jika anda menggunakan:

- *warfarin* (ubat pencair darah)
- *rifampin* (sejenis antibiotik)
- bahan diuretik (tablet yang menyurutkan cecair badan)
- perencat ACE dan penyekat reseptor angiotensin (ubat-ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung)
- *litium* (sejenis ubat yang digunakan untuk merawat sejenis kemurungan)
- ubat pencegah kehamilan
- terapi penggantian hormon
- *methotrexate* (sejenis ubat yang digunakan untuk menyekat sistem imun).

TORIK boleh dimakan bersama dengan aspirin dos rendah. Jika

anda sedang memakan aspirin dos rendah untuk mencegah serangan jantung atau strok, jangan berhenti memakannya tanpa menanya doktor kerana TORIK tidak boleh menggantikan aspirin bagi tujuan ini.

Cara menggunakan TORIK

- Berapa banyak harus digunakan
TORIK hendaklah dimakan sekali sehari. TORIK boleh dimakan dengan atau tanpa makanan.

Doktor akan menentukan dos TORIK yang harus anda makan dan tempohnya.

TORIK hanya terdapat dalam dua kekuatan iaitu 90 mg dan 120 mg. Tidak semua rejimen dos etoricoxib yang diluluskan akan dapat digunakan; bentuk dos lain yang diluluskan dan kekuatan etoricoxib harus digunakan dalam kes sedemikian.

Untuk merawat osteoarthritis:

*Dos yang disyorkan ialah 30 mg atau 60 mg sekali sehari.

Untuk merawat arthritis rheumatoid:

*Dos yang disyorkan ialah 60 mg sekali sehari dan boleh dinaikkan ke 90 mg sekali sehari jika perlu.

Untuk merawat spondilitis ankilos:

*Dos yang disyorkan ialah 60 mg sekali sehari dan boleh dinaikkan ke 90 mg sekali sehari jika perlu.

Untuk merawat rasa sakit yang akut:

*Dos yang disyorkan ialah 90 mg atau 120 mg sekali sehari. TORIK hanya sepatutnya digunakan selama tempoh kesakitan akut itu, tanpa melebihi 8 hari.

Untuk melegakan serangan gout dan untuk merawat senggugut:

*Dos yang disyorkan ialah 120 mg sekali sehari dan sepatutnya

digunakan hanya semasa tempoh rasa sakit yang akut.

Untuk melegakan rasa sakit selepas pesakit menjalani prosedur pergigian yang kecil:

*Dos yang disyorkan ialah 90 mg sekali sehari.

Dos yang melebihi dos yang disyorkan bagi setiap penyakit sama ada tidak menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi ataupun belum lagi dikaji. Oleh itu, jangan makan melebihi dos harian yang dinyatakan bagi setiap penyakit di atas ini.

Jika anda menghidap penyakit hati yang ringan atau sederhana teruk, doktor mungkin memberi anda preskripsi yang lebih rendah ataupun menasihatkan agar anda tidak menggunakan TORIK.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Cuba makan TORIK seperti yang dipreskripsikan.

Walau bagaimanapun, jika anda terlupa memakan satu dos, jangan makan dos tambahan.

Teruskan sahaja jadual anda seperti biasa pada keesokan hari.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda memakan dos yang melebihi preskripsi, hubungilah doktor dengan segera.

TORIK FC Tablet

Etoricoxib (90 & 120 mg)

Semasa menggunakan TORIK

- Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor anda jika:

- Mana-mana simptom yang berikut timbul atau bertambah teruk: sesak nafas, sakit dada atau bengkak pada pergelangan kaki. Hentikan rawatan anda dengan TORIK dan jumpalah doktor dengan secepat mungkin.
- Anda menghidap penyakit ginjal (buah pinggang), organ hati atau jantung, doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya.
- Anda mengalami apa-apa simptom yang mungkin disebabkan oleh tindak balas alergi yang teruk, misalnya kesukaran bernafas atau tindak balas kulit yang serius, anda mestilah berjumpa doktor dengan segera.

Doktor akan berbincang tentang rawatan anda dari semasa ke semasa. Penting agar anda menggunakan dos terendah yang boleh mengawal rasa sakit anda.

TORIK boleh meningkatkan tekanan darah pada sesetengah orang, terutamanya dengan dos yang tinggi, dan ini boleh meningkatkan risiko mendapat serangan jantung dan strok.

Doktor akan memeriksa tekanan darah anda dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa rawatan masih selamat diteruskan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi TORIK dengan orang lain kerana ubat ini dipreskripsikan hanya untuk anda khususnya.

Jangan makan TORIK lebih lama daripada perlu. Ini kerana risiko mendapat serangan jantung dan strok mungkin akan meningkat

selepas tempoh rawatan yang panjang, terutama sekali dengan dos yang tinggi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan jentera sehinggalah anda tahu kesan TORIK terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Mana-mana ubat pun boleh memberikan kesan yang tidak dimaksudkan atau yang tidak diingini, yang digelar kesan sampingan.

Sama seperti semua ubat preskripsi yang lain, TORIK juga boleh menyebabkan kesan sampingan.

Antara kesan sampingan yang dilaporkan dalam kajian ialah:

- pening,
- bengkak pada betis dan/atau kaki,
- lemah badan dan lesu,
- tekanan darah tinggi,
- loya,
- pedih hulu hati,
- sakit perut,
- sakit kepala
- soket gigi yang kering (radang dan sakit selepas gigi dicabut)

Selain itu, kesan sampingan yang berikut pernah dilaporkan:

- tindak balas alergi (alahan) (yang mungkin cukup serius sehingga perlu segera dirawat) termasuk bengkak pada muka, bibir, lidah, dan/atau tekak, yang boleh menyukarkan pesakit bernafas atau menelan, nafas berdehit, ruam, gatal-gatal dan gegata (kelopak garam);
- kulit menjadi merah-merah,
- tindak balas kulit yang teruk, yang mungkin berlaku tanpa amaran;
- perubahan rasa pada lidah,
- ritma jantung yang tidak normal,
- kegagalan jantung,
- palpitasi (debaran jantung)
- dada berasa sempit, tertekan atau berat,
- sakit perut,

- ulser di dalam perut yang boleh menjadi serius dan berdarah, dan boleh berlaku pada bila-bila masa apabila menggunakannya, tanpa amaran,
- muntah-muntah.
- masalah organ hati termasuk kegagalan organ hati, kulit dan mata menjadi kuning (jaundis),
- masalah ginjal (buah pinggang) yang serius,
- aras kalium yang tinggi di dalam darah,
- insomnia (susah tidur),
- kebimbangan,
- kemurungan,
- keresahan,
- mengantuk,
- ulser di dalam mulut,
- cirit-birit,
- peningkatan tekanan darah yang teruk,
- keliru,
- halusinasi,
- platelet berkurang,
- penglihatan kabur,
- Pembekuan darah dalam salur darah di paru-paru dan/atau kaki
- Pendarahan dalam otak.

Dalam kajian klinikal, risiko pengguna tablet etoricoxib mendapat ulser adalah lebih rendah berbanding dengan pengguna NSAID.

Kesan sampingan yang lain juga boleh sekali-sekala berlaku, dan sama seperti mana-mana ubat preskripsi yang lain, sesetengah daripadanya mungkin serius. Tanyalah doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat selanjutnya. Mereka ada senarai kesan sampingan yang lebih lengkap. Beritahulah doktor atau ahli farmasi dengan segera tentang gejala ini atau tentang apa-apa gejala lain yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melayari laman

TORIK FC Tablet

Etoricoxib (90 & 120 mg)

web npra.gov.my [Pengguna → Pelaporan Kesan Sampingan Ubat untuk Pengguna (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

lauryl sulfate.

- Nombor MAL:
MAL*****

Penyimpanan dan Pelupusan TORIK

- Penyimpanan
Simpan bawah 30°C. Simpan di dalam bekas asal. Lindungi daripada kelembapan dan cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak. Jangan gunakan TORIK selepas tarikh luput yang dicetak pada lepuh dan karton.
- Pelupusan
TORIK tidak boleh dibuang melalui air sisa atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk
TORIK 90mg: Tablet putih, bujur, dwicembung, bersalut filem, diukir dengan logo '▲' di satu sisi dan '90' di sebelah yang lain.
TORIK 120mg: Tablet hijau muda, bujur, dwicembung, bersalut filem, diukir dengan logo '▲' di satu sisi dan '120' di sebelah yang lain.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif:
Etoricoxib
 - Bahan tidak aktif:
Teras Tablet: Anhydrous dibasic calcium phosphate, colloidal silicon dioxide, croscarmellose sodium, microcrystalline cellulose, magnesium stearate.
Salutan Tablet: Polyvinyl alcohol, talc, titanium dioxide, glyceryl mono and dicaprylocaprate, sodium

Manufacturer:

Siam Bheasach Co., Ltd.
123 Soi Chokechairuammitr,
Vibhavadi-Rangsit Road, Chomphon,
Chatuchak, Bangkok 10900 and 9 Soi
Chokechairuammitr 3, Vibhavadi-
Rangsit Road, Dindang, Dindang,
Bangkok 10400, Thailand.

Product Registration Holder:

SPG Pharma (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Suite 1701, Block A,
Damansara Intan e-Business Park,
No. 1, Jalan SS20/27,
47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

01/04/2026

Nombor siri

NPRA (R2) 25/160